

Dinding bangunan tiba-tiba runtuh, 4 anggota bomba cedera semasa padam kebakaran

Khamis, 13 Februari 2020 10:09 AM



Seorang anggota Bomba dan Penyelamat dibantu rakan sepasukan selepas terjatuh dari bangunan semasa melakukan kerja memadamkan kebakaran melibatkan tiga buah bangunan kedai dua tingkat di Lebuh Carnavon kira-kira 9 malam Rabu. Foto Bernama

EMPAT anggota bomba cedera selepas ditimpa dinding bangunan ketika memadam kebakaran melibatkan tiga buah rumah kedai dua tingkat di Lebuh Carnavon, di George Town, Pulau Pinang, Rabu malam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, Saadon Mokhtar berkata, mereka yang cedera terdiri daripada seorang anggota bomba daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bagan Jermal dan tiga anggota daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang membantu memadamkan kebakaran tersebut.

"Ketika mereka sedang melakukan semburan dinding bahagian tepi bangunan, tiba-tiba ia (dinding) runtuh sebelum menghempap mereka.

"Alhamdulillah, kecederaan yang mereka alami tidak serius dan semua empat anggota berusia lingkungan 30-an itu telah dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk menerima rawatan serta mereka dilaporkan dalam keadaan stabil," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian, di George Town, Rabu malam.

Katanya, pihak bomba menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran itu kira-kira 8.58 malam dan sebaik tiba mendapati api sedang marak di kedai kertas, kedai emas dan kedai alkohol itu.

Saadon berkata, tindakan pantas anggota bomba berjaya mengawal api daripada merebak ke sebuah pusat jagaan orang tua yang terletak di bangunan bersebelahan.

"Sebanyak 73 warga emas di situ berjaya dikeluarkan daripada premis tersebut oleh petugas di situ serta bantuan orang ramai yang berada di lokasi kejadian," katanya.

Beliau berkata, 70 pegawai dan anggota bomba bersama tiga jentera daripada BBP Lebu Pantai, Jalan Perak dan Bagan Jermal dibantu PBS terlibat dalam operasi memadam kebakaran itu yang selesai sepenuhnya kira-kira 12 tengah malam.

Sementara itu, Ketua Menteri Chow Kon Yeow yang bergegas ke lokasi kejadian sebaik mendapat maklumat mengenai kebakaran itu, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak bomba kerana berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke pusat jagaan orang tua tersebut.

"Semua warga emas itu telah dipindahkan sementara ke pusat belia di Lebu Acheh dan Khoo Kongsi di Lebu Kimberly. Saya difahamkan orang awam masuk ke dalam pusat jagaan tersebut membantu membawa keluar mereka, terima kasih atas keprihatinan semua," katanya. - Bernama